

21.3.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PROJEK SALURAN PAIP BAHARU RM128 JUTA PULAU PINANG: PBAPP DAPAT PERSETUJUAN LLM

- **Saluran paip air terawat 13.0km x 1.8m dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke Butterworth: Salah satu saluran paip utama terpanjang yang akan dipasang sejak PBAPP dikorporatkan pada 1999.**
- **Objektif utama: Mengepam lebih banyak air terawat ke Pulau Pinang (melalui Saluran Paip Dasar Laut Berkembar ke-3 Pulau Pinang).**
- **Penerima utama: 165,054 pengguna air berdaftar di Daerah Timur Laut dan Barat Daya (DTL dan DBD) pulau itu.**

PULAU PINANG, Jumaat, 21.3.2025: Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah memberi "lampu hijau" kepada PBAPP untuk meneruskan projek Pelan Kontingensi Air Ke-4 2030 (WCP 2030) untuk Pulau Pinang.

PBAPP telah mendapatkan kelulusan daripada pelbagai pihak berkuasa persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan untuk memasang saluran paip air terawat baharu bernilai RM128 juta dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke Butterworth di Seberang Perai Utara (SPU).

Saluran paip besar 1.8m ini akan menyambungkan titik *outlet* baharu LRA di Sungai Dua ke titik *inlet* baharu Saluran Paip Dasar Laut Berkembar ke-3 Pulau Pinang (PTSP ke-3) di Butterworth. Ia merupakan komponen penting WCP 2030 yang akan membolehkan PBAPP mengepam lebih banyak air terawat dari LRA terbesar dan terpenting Pulau Pinang ke pulau pada masa hadapan.

Di bahagian pulau, PBAPP juga merancang untuk memasang saluran paip baharu 3.9km x 1.8m (projek WCP 2030 ke-3) untuk menyalurkan air terawat dari Sungai Dua ke Kompleks Kolam air dan Stesen Pam Bukit Dumbar. Dari Bukit Dumbar, air terawat akan dipam semula terutamanya ke daerah barat daya (DBD) pulau itu.

Oleh itu, projek ini akan memanfaatkan 165,054 pengguna air di DTL dan DBD, termasuk 140,669 pengguna domestik dan semua syarikat multinasional di Bayan Lepas.

Pada 2024, PBAPP mengepam purata 366 juta liter sehari (JLH) air terawat dari LRA Sungai Dua ke Pulau Pinang, termasuk 33 JLH yang diperlukan untuk mengekalkan Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024 (AIDAP 2024).

Salah satu daripada saluran paip baharu terpanjang di Pulau Pinang

Saluran paip LRA Sungai Dua-Butterworth dijangka sepanjang 13.0km. Ini menjadikannya salah satu daripada saluran paip air utama terpanjang yang dipasang di Pulau Pinang sejak PBAPP dikorporatkan 26 tahun lalu, pada 1999.

Disebabkan oleh keselamatan, integriti kejuruteraan dan pertimbangan kos, PBAPP mesti memasang saluran paip di bawah tanah, merentasi atau di sepanjang banyak petak tanah di SPU, termasuk tanah rizab lebuhraya di bawah bidang kuasa LLM, yang berkaitan dengan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) dan Lebuhraya Utara-Selatan (NSE).

Sokongan LLM

Pada hari Rabu, 12.3.2025, delegasi PBAPP telah bertemu dengan Dato' Ir. Sazali bin Harun, Ketua Pengarah LLM, di Bangi, Selangor. Dalam pertemuan itu, Dato' Ir. Sazali pada dasarnya bersetuju dengan rancangan PBAPP untuk memasang saluran paip merentasi atau di sepanjang tanah LLM, dengan syarat kerja-kerja air tidak menimbulkan atau menyebabkan isu besar di BORR dan/atau NSE.

PBAPP menghargai sokongan LLM untuk projek kerja air kritikal yang akan menyokong kecukupan bekalan air di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga 2030.

Mempercepatkan kelulusan lain berkaitan tanah

Kerja-kerja projek 13.0km x 1.8m Sungai Dua ke Butterworth Pipeline dijadualkan dimulakan pada 2026. Ketika ini, PBAPP sedang memuktamadkan penjajaran saluran paip baharu di SPU dengan mengambil kira tarikh akhir itu.

Dengan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kami sedang berusaha untuk mempercepatkan kelulusan lain iaitu daripada pihak berkuasa seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB).



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Kami sedang berusaha secepat mungkin untuk mendapatkan kelulusan yang diperlukan daripada pihak berkuasa yang berkaitan. Berdasarkan penjajaran akhir, kemungkinan juga PBAPP akan terlibat dalam aktiviti pengambilan tanah kerana saluran paip itu pasti akan merentasi plot tanah milik persendirian di SPU.

PBAPP memohon persefahaman, kerjasama dan sokongan semua pihak yang terlibat (dan yang akan terlibat) dalam projek Saluran Paip Sungai Dua ke Butterworth. Kita perlu melaksanakan projek WCP 2030 ini tepat pada masanya bagi memastikan Pulau Pinang mempunyai bekalan air yang mencukupi sehingga 2030.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my